



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
ARAS SATU, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH.
NO.TEL: 05-2540615**

PANDUAN UMUM PERMOHONAN JAWATAN KOSONG

1. PENENTUAN KELAYAKAN BAGI URUSAN PELANTIKAN MENSYARATKAN KELAYAKAN PT3/PMR

**1.1 Penilaian Menengah Rendah (PMR) (dilaksanakan mulai 1993)
TARIKH KUATKUASA PEMAKAIAN 13 JANUARI 1998 (SPP Bil. 1/1998)**

Calon yang memiliki keputusan PMR seperti berikut adalah layak untuk dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan PMR/SRP iaitu:

- (a) memperoleh sekurang-kurangnya Gred 'D' dalam lima (5) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Matematik ; dan
- (b) bagi skim perkhidmatan yang mensyaratkan Kepujian dalam mata pelajaran tertentu seperti Bahasa Melayu, calon hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya Gred 'C' dalam mata pelajaran berkenaan.

**1.2 Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) (dilaksanakan mulai 2014)
TARIKH KUATKUASA PEMAKAIAN 1 JULAI 2016**

Calon yang memiliki kelayakan PT3 seperti berikut adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan PT3/PMR iaitu:

- (a) memperoleh sekurang-kurangnya Gred 'E' dalam lima (5) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Matematik; dan
- (b) bagi skim perkhidmatan yang mensyaratkan 'kepujian' dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, calon hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya Gred 'C' dalam mata pelajaran berkenaan.

2. PENENTUAN KELAYAKAN BAGI URUSAN PELANTIKAN MENSYARATKAN KELAYAKAN SPM/SVM

**2.1 Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Sijil Terbuka (dilaksanakan mulai 1999)
TARIKH KUATKUASA PEMAKAIAN 28 JANUARI 2002 (SPP Bil.1/2002)**

Calon yang memiliki Sijil SPM mengikut sistem terbuka adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan SPM tertakluk calon berkenaan memiliki keputusan SPM Sijil Terbuka seperti berikut:

- (a) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; atau
- (b) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; dan
- (c) memenuhi syarat Bahasa Melayu sama ada Kepujian atau Lulus (mana yang berkenaan) dan mata pelajaran tertentu seperti mana disyaratkan dalam skim pekhidmatan.

**2.2 Sijil Vokasional Malaysia (SVM) (dilaksanakan mulai 2012)
TARIKH KUATKUASA PEMAKAIAAN 1 JULAI 2016**

Calon yang memiliki Sijil SVM adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan SPM/SVM. Bagi tujuan memenuhi syarat lulus atau kepujian Bahasa Melayu untuk pelantikan ke Perkhidmatan Awam, calon hendaklah memperoleh pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) seperti berikut:

Syarat Kelulusan Bahasa Melayu Untuk Pelantikan Ke Perkhidmatan Awam	Syarat Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104)
Kepujian	Sekurang-kurangnya Gred 'C'
Lulus	Sekurang-kurangnya Gred 'E'

3. PENENTUAN KELAYAKAN BAGI URUSAN PELANTIKAN MENSYARATKAN KELAYAKAN STPM/STAM

**3.1 Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) menggunakan Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) (dilaksanakan mulai 2003)
TARIKH KUATKUASA PEMAKAIAAN 1 JANUARI 2006 (SPP Bil. 11/2005)**

Calon yang memiliki Sijil STPM menggunakan Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) adalah layak untuk dipertimbangkan pelantikan ke jawatan yang bersesuaian di peringkat STPM berdasarkan tahap kelulusan berikut:

- (a) lulus sekurang-kurangnya tiga (3) mata pelajaran atas Gred C dengan NGMP 2.00 dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu (1) peperiksaan STPM ; atau
- (b) lulus dua (2) mata pelajaran dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu(1) peperiksaan STPM dengan syarat kedua-dua mata pelajaran yang lulus itu mestilah sekurang-kurangnya mendapat:
 - (i) Gred B dan B (NGMP 3.00 dan 3.00); atau
 - (ii) Gred B+ dan B- (NGMP 3.33 dan 2.67); atau
 - (iii) Gred A- dan C+ (NGMP 3.67 dan 2.33); atau
 - (iv) Gred A dan C (NGMP 4.00 dan 2.00).

Atau

- (c) lulus sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran atas Gred C (NGMP 2.00) dan dua (2) mata pelajaran atas Gred C-, D+ atau D (NGMP 1.67, 1.33 atau 1.00) serta lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu (1) peperiksaan STPM;

Atau

- (d) lulus sekurang-kurangnya empat (4) mata pelajaran yang berlainan atas Gred C (NGMP 2.00) dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam STPM yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut.

3.2 Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (dilaksanakan mulai 2000) TARIKH KUATKUASA PEMAKAIAN TAHUN 2000 (SPP Bil. 14/2009)

Calon yang memiliki Sijil STAM adalah layak untuk dipertimbangkan pelantikan ke jawatan yang bersesuaian di peringkat STPM berdasarkan tahap kelulusan berikut:

- (a) lulus sekurang-kurangnya empat (4) mata pelajaran pada peringkat *Maqbul* dalam satu peperiksaan dengan kombinasi mata pelajaran berikut:
 - (i) dua (2) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab, satu (1) mata pelajaran dalam bidang Syariah dan satu (1) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau
 - (ii) satu (1) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab, dua (2) mata pelajaran dalam bidang Syariah dan satu (1) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau
 - (iii) satu (1) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab, satu (1) mata pelajaran dalam bidang Syariah dan dua (2) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau
 - (iv) dua (2) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab dan dua (2) mata pelajaran dalam bidang Syariah; atau
 - (v) dua (2) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab dan dua (2) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau
 - (vi) dua (2) mata pelajaran dalam bidang Syariah dan dua (2) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau
 - (vii) tiga (3) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab dan satu (1) mata pelajaran dalam bidang Syariah; atau
 - (viii) tiga (3) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab dan satu (1) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau
 - (ix) satu (1) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab dan tiga (3) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau
 - (x) satu (1) mata pelajaran dalam bidang Syariah dan tiga (3) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin.

atau

- (b) lulus sekurang-kurangnya empat (4) mata pelajaran pada peringkat *Maqbul* yang dikumpulkan daripada peperiksaan yang diduduki dalam tempoh tiga (3) tahun mulai dari tarikh keputusan peperiksaan yang pertama kali diduduki dengan kombinasi mata pelajaran seperti di perenggan (a)(i) hingga (x) di atas.

4. KAEDAH PERMOHONAN

Pemohon hendaklah membuat permohonan secara online di Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak Darul Ridzuan, <http://spa.perak.gov.my>. Pemohon yang telah mendaftar secara online tidak perlu membuat pendaftaran semula. Pemohon hanya perlu mengemas kini data dan membuat permohonan jawatan yang terkini seperti yang diiklankan.

5. CALON PSL ATAU PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Pemohon yang layak di bawah **PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)** atau pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Pk.P.U.17. Pengesahan Ketua Jabatan (Lampiran A) dan Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan (Lampiran D) hendaklah dibawa semasa temuduga dan boleh dimuat turun melalui laman web SPA Perak di pautan **muat turun**.

6. Tarikh tutup permohonan ialah selewat-lewatnya **7 September 2016, jam 11.59 malam**

7. Sebarang pertanyaan boleh dirujuk kepada SPA Perak di talian : 05-2540615

8. Alamat : **Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak
Aras 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000, Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.**